

Jenis Akhbar : Bernama Online
Tarikh : 17/03/2019
Edisi / Muka surat : www.bernama.com
Tajuk : **Angkasa sasar 16,000 koperasi dengan perolehan RM55 bilion menjelang 2020**

Angkasa sasar 16,000 koperasi dengan perolehan RM55 bilion menjelang 2020

Tarikh kemaskini: 17/03/2019



GEORGE TOWN, 17 Mac (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyasarkan 16,000 koperasi baru di seluruh negara dengan perolehan mencecah RM55 bilion menjelang 2020.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata sasaran itu telah dicadangkan oleh Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof dan beliau yakin sasaran itu mampu dicapai dengan semua koperasi mengambil inisiatif untuk meningkatkan ekonomi negara.

"Setakat ini, 14,094 koperasi yang mempunyai 6.5 juta anggota di bawah Angkasa telah menyumbang kepada perolehan RM42 bilion," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Penutupan Kursus Induksi Koperasi Anggota Baru di sini hari ini.

Beliau turut menyarankan anggota koperasi untuk mengamalkan budaya korporat dalam setiap urusan koperasi iaitu cepat, cekap dan kreatif dalam usaha mencapai sasaran menjelang 2020.

"Saya meminta semua anggota koperasi agar dapat melihat balik pelan peniagaan mereka selain menceburi bidang-bidang baharu yang lebih berimpak tinggi dan berdaya maju agar dapat meningkatkan perolehan tahun mereka," katanya.

Tambahnya, setiap koperasi baharu yang tubuhkan harus mempunyai pelan peniagaan yang berdaya saing. -- BERNAMA